

SULIT



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
(BAHAGIAN PERUMAHAN)**

SEBUT HARGA : PSUKPP/83/2012

**PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENJAGA
KEBERSIHAN DI KAWASAN PERUMAHAN TAMAN TUN
SARDON (FASA I), 11700 GELUGOR, PULAU PINANG**

**TARIKH TUTUP : 26/12/2012 (RABU)
JAM 12 TENGAHARI**

HARGA DOKUMEN : PERCUMA

**UNIT TEKNIKAL, BAHAGIAN PERUMAHAN,
TINGKAT 20, KOMTAR, 10503 PULAU PINANG
TEL : 04-6505247 / FAKS : 04-2622904**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG
(Bahagian Perumahan)**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam **Bidang Perkhidmatan** di bawah **Kod Bidang 221001 – Mencuci Bangunan** dan **221002 – Membersih Kawasan** yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut :

NO. SEBUT HARGA : PSUKPP/83/2012

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENJAGA KEBERSIHAN DI KAWASAN PERUMAHAN TAMAN TUN SARDON (FASA I), 11700 GELUGOR, PULAU PINANG.

TARIKH DI IKLAN : 11/12/2012 (SELASA)

TARIKH TUTUP : 26/12/2012 (RABU)

2. Penyebut harga hendaklah berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang**. Borang sebut harga boleh diperolehi secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem e-Perolehan. Hanya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan e-Perolehan saja layak mendapat kemudahan laman web e-Perolehan.
3. Satu **sesi taklimat dan lawatan tapak** akan diberikan kepada penyebut harga dan kehadiran penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** seperti ketetapan berikut :-

Tarikh : 18/12/2012 (SELASA)
Masa : 10.00 pagi
**Tempat : Rumah Pangsa Taman Tun Sardon
Gelugor (Pejabat)**

4. Borang Sebut Harga yang telah lengkap diisi berserta dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Kaunter Pelanggan Tingkat 20, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Bahagian Perumahan) sebelum jam 12.00 Tengahari pada 26/12/2012 (Rabu)**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan. **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Perumahan) Pulau Pinang** adalah tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana tawaran.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
BAHAGIAN PERUMAHAN
TINGKAT 20, KOMTAR
PULAU PINANG.**

NO. SEBUT HARGA : PSUKPP/83/2012

**KERJA-KERJA MEMBERSIH DAN MENJAGA KEBERSIHAN
DI KAWASAN PERUMAHAN TAMAN TUN SARDON (FASA I),
11700 GELUGOR, PULAU PINANG**

ARAHAN KEPADA PEMBORONG / KONTRAKTOR :

Sila ambil perhatian mengenai maklumat-maklumat yang disediakan seperti lampiran-lampiran berikut :-

- Lampiran 'A' : Syarat-syarat Tawaran.
- Lampiran 'B' : Syarat-syarat Sebut Harga.
- Lampiran 'C' : Definasi Perkhidmatan dan Bidang Kerja.
- Lampiran 'D' : Butir-butir Perkhidmatan di Kawasan Rancangan Perumahan Berkenaan.
- Lampiran 'E' : Jenis-jenis Perkhidmatan yang diberi.
- Lampiran 'F' : Pelan Kawasan Perumahan Taman Tun Sardon (Fasa I), 11700 Gelugor, Pulau Pinang.
- Lampiran 'G' : Borang Sebut Harga.
- Lampiran 'H' : Maklumat Latar Belakang Penender/Pemborong.
- Lampiran 'I' : Surat Akuan Pembida.
- Lampiran 'J' : Borang - G Lampiran Q (Arahan Perbendaharaan 170).

SYARAT-SYARAT TAWARAN

Pemborong mestilah memahami syarat-syarat tawaran dan syarat-syarat sebut harga supaya tawaran yang dihantar oleh Pemborong adalah memenuhi segala syarat. Satu persetujuan akan dimeterikan mengenai kontrak ini diantara Kerajaan dengan pemborong yang berjaya.

1. Segala arahan, syarat tawaran dan penentuan kerja akan dijadikan sebahagian daripada dokumen perjanjian yang akan dimeterikan ;
2. Pemborong haruslah mengisi Surat Akuan Pembida seperti yang disertakan dan dihantar sekali bersama-sama Dokumen Sebut Harga ;
3. Setiap Pemborong mestilah menghantar segala tawaran kerja di dalam sampul surat bertutup serta berlakri yang bertajuk sebelah kiri sampul dan alamatkan seperti yang tercatat di dalam Notis Tawaran ;
4. Tawaran dan semua dokumen yang dihantar mestilah sampai di Pejabat Bahagian Perumahan, Tingkat 20, KOMTAR pada waktu dan tarikh yang ditetapkan ;
5. Harga tawaran kerja mestilah sah selama 90 hari daripada tarikh tawaran ditutup ;
6. Pentadbiran Perumahan tidak terikat untuk menerima tawaran yang **terendah** atau **mana-mana tawaran** ;
7. Lawatan tapak yang disertai hendaklah dihadiri sendiri oleh **pemilik syarikat** berkenaan dan **bukan diwakilkan** ;
8. **Salinan Sijil Pendaftaran** dengan **Kementerian Kewangan Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah dikemukakan untuk tindakan Pentadbiran ini ;
9. **Penyata Bank terkini 3 bulan wajib** disertakan untuk penilaian (September, Oktober, November) ;
10. Butiran pengalaman kerja-kerja yang sedang dan telah dijalankan boleh dikemukakan juga untuk dijadikan penilaian bagi kontrak tersebut ;
11. Pemborong yang berjaya atau tidak berjaya akan diberitahu sebaik sahaja proses memilih pemborong telah selesai ;
12. **PERHATIAN**
 Borang tawaran dan Latar Belakang Penender/Pemborong yang telah siap diisi mestilah dimasukkan dalam satu sampul surat berlakri yang ditanda **Sebut Harga Kerja-kerja Membersih dan Menjaga Kebersihan di Kawasan Perumahan Taman Tun Sardon (Fasa I), 11700 Gelugor, Pulau Pinang** dan mestilah sampai ke Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Perumahan, Tingkat 20, KOMTAR, Pulau Pinang **tidak lewat daripada jam 12 tengahari pada hari Rabu (26/12/2012)**.
13. Pemborong yang dipilih untuk menjalankan kerja-kerja ini dikehendaki menandatangani perjanjian di dalam surat perjanjian yang disediakan oleh Bahagian Perumahan berdasarkan kepada syarat-syarat kontrak berkenaan ;
14. **PENTING**
 Pihak Bahagian Perumahan boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana Pemborong yang gagal menjalankan kerja-kerja dan perkhidmatan dengan memuaskan iaitu seperti beriku :-
 - a). Menangguhkan bayaran kontrak,
 - b). Memotong bayaran sebanyak 30% dan
 - c). Membatalkan kontrak tanpa peringantan lagi.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Pemborong mestilah memahami segala syarat-syarat kontrak yang disediakan seperti dibawah ini :-

1. Syarikat tuan adalah dipertanggungjawabkan untuk menjalan kerja-kerja Membersih dan Menjaga Kebersihan di Kawasan Perumahan Taman Tun Sardon (Fasa I),11700 Gelugor, Pulau Pinang bagi kawasan sekitarnya dan dalam kawasan Blok Rumah Pangsa.
2. Tawaran ini adalah dalam percubaan selama tiga (3) bulan mulai pada **01/04/2013** hingga **30/06/2013** .
3. Prestasi kerja-kerja tuan dalam tempoh percubaan selama tiga (3) bulan tersebut akan diambilkira dan boleh dijadikan kelayakan untuk dipertimbangkan kepada kerja-kerja **Membersih dan Menjaga Kebersihan di Kawasan Perumahan Taman Tun Sardon (Fasal), 11700 Gelugor, Pulau Pinang** selama tempoh dua (2) tahun berikutnya mulai **01/04/2013** hingga **31/03/2015** .
4. Kerja-kerja dan perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada enam (6) hari dalam masa seminggu mulai hari Isnin hingga Sabtu mulai jam 7.30 pagi - 3.30 petang dan
 - 4.1. Apabila cuti mingguan dan / atau cuti am berturut-turut maka hari kedua dan hari cuti tersebut dikira sebagai hari kerja-kerja dijalankan, misalnya cuti **pada hari Sabtu, maka hari Ahad termasuk dalam hari kerja** bagi maksud kontrak ini.
5. Segala peralatan yang secukupnya seperti mesih rumput, gunting, penyapu, parang paip getah, serbuk pencuci (deteragent) kereta tolak, cangkul, baja, racun rumputumpai dan lain-lain mestilah disediakan sendiri oleh Syarikat tuan.
6. Pekerja-pekerja mestilah diberi perlindungan dengan mengambil Insuran Pampasan Pekerja daripada Broker Insuran yang sah. Syarikat Pemborong/Kontraktor yang telah dipilih mestilah mematuhi Akta Employment Ordinance 1957 'Employees Provident Fun Ordinance 1951' dan 'Employment Social Security Acts 1969' yang telah diwajibkan oleh Kerajaan.
7. Pemoborong mestilah menyediakan pengawasan dan pekerja-pekerja yang memakai uniform dan mempunyai tanda nama supaya mudah dikenali oleh orang ramai dan kakitangan Bahagian Perumahan. Butir-butir Pekerja seperti Jantina Lelaki / Perempuan, Kad Pengenalan dan alamat tempat tinggal hendaklah disediakan dan diserahkan kepada Pengarah Perumahan, Tingkat 20, KOMTAR, Pulau Pinang.
8. Permohonan yang dipilih untuk menjalankan kerja-kerja ini dikehendaki menandatangani perjanjian di dalam Surat Perjanjian yang disediakan oleh Bahagian Perumahan, Pulau Pinang berdasarkan kepada Syarat-syarat Tawaran dan Syarat-syarat Sebut Harga berkenaan.
9. Skop perkhidmatan bagi kerja Perkhidmatan Kebersihan Kawasan akan ditentukan mengikut Pemborong/Kontraktor yang berjaya ditawarkan kelak.
10. Tawaran yang telah ditawarkan oleh pemborong tidak boleh diubahsuaikan lagi dan segala silapkira atau salah faham mengenai kawasan, penentuan kerja dan lainnya tidak akan dilayan.
11. Harga tawaran yang dihantar mestilah untuk harga sebulan Perkhidmatan Kebersihan Kawasan.

**BAHAGIAN PERUMAHAN
PULAU PINANG.**

Definisi Perkhidmatan dan Bidang Kerja-kerja Membersih dan Menjaga Kebersihan Di Kawasan Perumahan Taman Tun Sardon (Fasa I), 11700 Gelugor, Pulau Pinang

1. Definisi :

1.1. Adalah bermakna sebarang benda / bahan yang terbuang atau tidak digunakan lagi yang terdapat di kawasan luar unit, kawasan lapang, di jalan-jalan dan pinggir jalan, longkang-longkang dan parit-parit. Bahan buangan termasuklah sampah-sampah, kertas-kertas, kulit buah-buahan, sisa-sisa makanan, botol, tong, tin-tin, plastik, kayu-kayu kecil, katil buruk, 'stove' konkrit, lain-lain kelengkapan rumah, daun-daun dan lain bahan buangan.

1.2. Pembersihan

Adalah bermakna menyapu, membersihkan daripada sebarang bahan buangan dan kekotoran, habuk, sarang labah-labah, pasir-pasir, tanah dan debu-debu dan lain bahan buangan.

1.3. Kerja-kerja Pekebunan

Adalah bermakna memotong rumput di kawasan lapang, padang permainan, bahu jalan, pinggir longkang juga termasuk memotong atau mencatas ranting-ranting pokok kecil, menyiram, membajai pokok-pokok bunga yang ditanam oleh Bahagian Perumahan dan merumput, meracun ditempat yang perlu.

1.4. Memungut Bahan-Bahan Buangan

Adalah bermakna memungut dan mengutip bahan buangan dari atas bumbung, kawasan lapang, bahu jalan dan longkang ketempat pembuangan sampah yang dibenarkan.

1.5. Tenaga Kerja

Tiap-tiap hari perlu disediakan tiga (3) orang pekerja dan seorang (1) pengawasan untuk mengawasi kerja-kerja kebersihan dijalankan dengan baik.

2. Bidang Kerja

Bidang kerja yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

2.1. Kerja-kerja Harian

- a). Memungut dan mengumpul bahan buangan ditempat-tempat yang disediakan di kawasan perumahan dua (2) kali sehari (pagi/petang) dan membuang ke pusat pungutan sampah yang disediakan.
- b). Menyapu bahan buangan disemua kawasan Blok di luar unit rumah pangsa dan perkarangan dua (2) kali sehari (pagi/petang) dan membuang ke pusat pungutan sampah yang disediakan.
- c). Menyapu dan membersihkan jalan, laluan sekitar blok termasuk gelanggang takraw dan kawasan taman permainan kanak-kanan sekali sehari.
- d). Membersih semua longkang sekali sehari.

2.2. Kerja-Kerja Mingguan

- a). Kerja-kerja pekebunan, membajai dan penjagaan pokok-pokok dan pokok-pokok bunga, memangkas dan memotong ranting-ranting yang tidak diperlukan dua minggu atau apabila diperlukan.
- b). Memotong dan memaras rumput-rumput di kawasan cerun dan lapang dua (2) minggu sekali atau apabila diperlukan.
- c). Memotong, meracun serta membuang tumbuhan di kawasan luar dan dalam pagar apabila diperlukan/arah.

2.3. Kerja-Kerja Bulanan

- a). Membuang segala bahan-bahan buangan serta membersihkan bilik gen-set dan rumah pam setiap sebulan sekali dan apabila diperlukan.
- b). Meracun rumput-rumpai di kawasan/tempat yang perlu serta mengawal kerja-kerja berkaitan.

3. Lain-lain :

Pemborong juga dikehendaki menjalankan perkhidmatan yang berkaitan apabila diarahkan berbuat demikian oleh Bahagian Perumahan, Pulau Pinang pada bila-bila masa.

**BAHAGIAN PERUMAHAN
PULAU PINANG**

**Butir-Butir Kawasan Perumahan Taman Tun Sardon
(Fasa I), 11700 Gelugor, Pulau Pinang**

Bil.	Perkara	Kawasan	Spesifikasi Perkhidmatan
1.	Luas Kawasan	2.24 hektar (5.6 ekar)	Ada
2.	Jumlah bangunan	5 Blok	Ada
3.	Jumlah tingkat bagi Blok	5 Tingkat	Ada
4.	Jumlah tempat sampah (refuse chute)	10	Membersih dan membasuh
5.	Tempat mengumpul sampah	Ada	Ada
6.	Jalan-jalan	Ada	Membersih semua jalan tar
7.	Longkang dan parit	Ada	Mencuci dan membersih semua longkang dan parit disekeliling blok hingga ke longkang MPPP, JKR dan JPS
8.	Sampah-sampah yang terkumpul dimasukkan kedalam tong-tong sampah atau tempat sampah	Ada	Disediakan / membersih

Jenis-jenis Perkhidmatan Yang Di Kehendaki

Bil	Tempat dan Kawasan	Jenis Perkhidmatan	Kekerapan Perkhidmatan
	<u>Luar Blok</u>		
	Bagi Blok dan iaitu segala;	Seperti Lampiran C	
1.	Kawasan lapang (compound) bahagian hadapan dan belakang unit.	Perkara 1.2	Setiap hari
2.	Longkang sekeliling blok dan longkang pencegah malaria.	Perkara 1.2	Setiap hari
3.	Jalan dan susur.	Perkara 1.2	Setiap bulan
4.	Jalan masuk segala laluan di persekitaran Blok.	Seperti Lampiran 'C' Perkara 1.3	Dua (2) minggu sekali (Hari Khamis)
5.	Kawasan tanaman pokok.	Perkara 1.2 seperti di Lampiran C dan F	Setiap hari
6.	Kawasan tangga Blok 1 hingga 5 (10 tangga).	Perkara 1.2 seperti di Lampiran C dan F	Setiap hari
	<u>Dalam Blok</u>		
	Bagi Blok iaitu segala ;		
1.	Tempat buang sampah di tingkat 1 hingga 5.	Perkara 1.2, 1.4 & 2	Dua (2) hari sekali



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG
(BAHAGIAN PERUMAHAN)
TINGKAT 20, KOMTAR
10503 PULAU PINANG
NO. TEL : 04-6505247/04-6505506
NO. FAKS : 04-2622904

LAMPIRAN 'G'

BORANG SEBUT HARGA

Tajuk Sebut Harga : Perkhidmatan Membersih dan Menjaga Kebersihan di Kawasan Perumahan Taman Tun Sardon (Fasa I), 11700 Gelugor, Pulau Pinang

No. Sebut Harga : PSUKPP/83/2012

Tarikh Tawaran : 11/12/2012

Tarikh Tutup : 26/12/2012 (sebelum 12.00 T/hari)

Lawatan Tapak : 18/12/2012 (Wajib)

Lokasi / Masa / Bil. : Rumah Pangsa Taman Tun Sardon
Gelugor (Pejabat)

Tempoh Kontrak : 01/04/2013 hingga 31/03/2015 (2 tahun)

Kami telah baca dan faham segala arahan seperti di **Lampiran 'A'** – Syarat-syarat Tawaran, **Lampiran 'B'** – Syarat-syarat Sebut Harga, **Lampiran 'C'** – Definasi dan Bidang Kerja, **Lampiran 'D'** – Spesifikasi Perkhidmatan di Kawasan Rancangan Perumahan Berkenaan, **Lampiran 'E'** – Jenis-jenis Perkhidmatan Yang di Beri dan **Lampiran 'F'** - Pelan Kawasan Perumahan Taman Tun Sardon (Fasa I), 11700 Gelugor, Pulau Pinang dengan ini bersetuju untuk menjalankan kerja-kerja seperti yang tercatat di dalam syarat-syarat dan penentuan dengan harga borong.

RM _____ x 24 bulan = RM _____ dua tahun @ dalam Ringgit Malaysia : _____

2. Tawaran kami adalah berdasarkan kepada penentuan seperti berikut :-

- (a) Tenaga Kerja Minima :
- | | | |
|---------------------------------|----------|----------------------|
| Penyelia Kerja – satu (1) orang | RM _____ | = RM _____ |
| Pekerja Am – tiga (3) orang | RM _____ | = RM _____ |
| (b) KWSP (EPF) dan SOCSO | | = RM _____ |
| (c) Pengurusan | | = RM _____ |
| (d) Peralatan dan Bahan Pencuci | | = RM _____ |
| (e) Insuran-Insuran | | = RM _____ |
| (f) Lain-lain | | = RM _____ |
| (g) Keuntungan | | = RM _____ |
| Jumlah harga tawaran sebulan | | = RM
===== |

3. Kami bersetuju bahawa tawaran ini sah bagi tempoh sehingga 90 hari dari tarikh ditutup.

2/...

4. Kami faham Bahagian Perumahan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana tawaran.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan Pemborong :

.....
(Nama :)

Nama Syarikat :

Alamat :
.....
.....
.....

No. Telefon :

No. Akaun Bank :

Nama dan Alamat Bank :
.....
.....
.....

Tandatangan Saksi :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

**BAHAGIAN PERUMAHAN
PULAU PINANG**

LATAR BELAKANG PENENDER / PEMBORONG BIL.

Bahagian 'A'

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
.....
3. Kelas Tajuk/Tajuk Kecil Tarikh didaftarkan
.....
4. Jika berdaftar Bumiputra nyatakan :
Tarikh Kuatkuasa : Tarikh Tamat :
5. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan :
i). Modal dibenarkan :
ii). Modal dibayar :
6. Ahli-ahli Syarikat :
i). Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Saham Modal di Pegang

Bahagian 'B'

Senarai kerja-kerja yang 'TELAH' disiapkan.

Nama Projek	Agensi yang Mengawas	Harga	Tempoh	Tarikh Sebenar

Bahagian 'C'

Senarai kerja-kerja yang 'SEDANG' dilaksanakan.

Nama Projek	Agensi yang Mengawasi	Harga	Tempoh	Peratusan Kemajuan semasa (nyatakan tarikh)	Ulasan S.O

**SURAT AKUAN PEMBIDA
BAGI
PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENJAGA KEBERSIHAN DI KAWASAN
PERUMAHAN TAMAN TUN SARDON (FASA I), 11700 GELUGOR,
PULAU PINANG**

Saya No. K.P. yang mewakili..... No. Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **BAHAGIAN PERUMAHAN** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti yang tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **BAHAGIAN PERUMAHAN** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :-

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas ; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas ; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan Perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. K.P :

Cop Syarikat :

BORANG - G

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila Menjawab, sila nyatakan nombor ini

No.	No. Sebut Harga :

(Kew. 284 – Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI**

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga

Kepada (Nama Syarikat) :
.....

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)

No. Telefon :

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan

Malaysia :

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan
pembelian ini :

No.Telefon :

Tarikh :

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk dengan syarat-syarat yang ditetapkan ;

1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan :

1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki :

1.3 Arahan pengiriman :

1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga :

1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat Bahagian Perumahan, Tingkat 20, KOMTAR tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari :
..... hb.

1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah hari selepas tarikh tutup.

Tarikh :

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Jawatan :

Bil.	Perihal Bekalan/Perkhidmatan dan Syarat-Syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Kekekapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian / Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Sebut Harga	
* Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.			JUMLAH		

(i). Harga yang ditawarkan adalah harga bersih : dan

(ii). Tarikh penyerahan / penyempurnaan ialah :

Saya/kami dengan ini menawarkan untuk membekal bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan

Penyebut Sebut Harga :

Nama :

No. K/P :

Alamat Syarikat :

.....

.....

Tarikh :